Saya beli TV SAMSUNG 42" PLASMA TV (Model PS42C430) dari Court Mammoth (CM) pada 18/4/2010 dan dijanjikan percuma SAMSUNG DVD PLAYER (Model DVDH1080R) dalam masa 2-3 minggu. Malangnya selepas sebulan iaitu 18/5/2010 saya diberikan DVD (Model P191K). Saya ditipu kerana: <ol style="text-align: justify;"> Terlalu lama untuk mendapatkan DVD DVD yang diberi tidak sepatutnya dan bila di sambung ke TV untuk dimainkan DVD mengeluarkan gambar tidak berwarna Saya mohon agar CM mengambil barang mereka semula dan memulangkan semula apa yang telah saya bayar.   Nasihat : Merujuk kepada aduan di atas, pengguna/pengadu mempunyai hak untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan seperti yang di janjikan. Sekiranya anda mengalami keadaan yang sama seperti di atas anda dikehendaki untuk merujuk perkara ini kepada ibu pejabat syarikat berkenaan, jikalau maklumbalasnya tidak positif barulah anda membuat aduan kepada NCCC.

Menurut undang undang;

 <ol style="text-align: justify;"> Seksyen 46 Akta Perlindungan Pengguna -Pengguna mempunyai hak untuk mendapatkan pulangan wang atau penukaran sekiranya janji/spesifikasi tidak dipenuhi. Seksyen 10 Akta Perlindungan Pengguna - Ianya salah untuk memberi representasi palsu atau mengelirukan Seksyen 32 Akta Perlindungan Pengguna&#65533; - Sesuatu produk haruslah memenuhi gerenti tersirat iaitu mencapai kualiti boleh di terima   &#65533;